



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 11 TAHUN 2009

PINDAAN KADAR ELAUN LUAR PENGHULU

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan memaklumkan keputusan Kerajaan untuk menaikkan kadar Elaun Luar Penghulu bagi skim perkhidmatan Penghulu Gred NP27, NP32, NP36, NP40.

LATAR BELAKANG

2. Penggubalan dan penambahbaikan skim perkhidmatan Penghulu melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2009 adalah antara usaha Kerajaan untuk memartabatkan institusi Penghulu di samping mengiktiraf peranan Penghulu sebagai penghubung antara masyarakat dan Kerajaan dalam melaksanakan polisi pembangunan negara. Sebagai institusi yang berperanan serta bertanggungjawab dalam memantau dan menyelesaikan pelbagai isu kemasyarakatan serta

memastikan kesejahteraan rakyat, maka adalah wajar institusi ini diperkukuhkan. Sehubungan dengan itu, Kerajaan turut bersetuju untuk menyemak semula Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1979 dan memberi kenaikan kepada kadar Elaun Luar Penghulu.

PELAKSANAAN

3. Kadar baru Elaun Luar Penghulu adalah seperti dalam **Jadual 1** di bawah:

Jadual 1 : Kadar Baru Elaun Luar Penghulu

GRED	KADAR SEBULAN
NP36 dan ke atas	RM300.00
NP32	RM250.00
NP27	RM200.00

PINDAAN

4. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, kadar Elaun Luar Penghulu dalam Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1979 adalah **dibatalkan**.


TARIKH KUAT KUASA

5. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **2 Julai 2009**.

PEMAKAIAN

6. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, Surat Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI ISMAIL ADAM)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA**

7 September 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan